


Siri eBook Politeknik

PENGENALAN KEPADA AKHLAK

VOL. 1

KONSEP AKHLAK • PEMBENTUKAN AKHLAK
TOKOH PEMIKIRAN AKHLAK ISLAM



ZUHARYATI BINTI YUSOF

e ISBN 978-967-2421-46-7



PENULIS
ZUHARYATI BINTI YUSOF

EDITOR
ZUHARYATI BINTI YUSOF

REKA BENTUK DALAMAN
MOHD ROSDI BIN RIPIN

PRUF
DR CHE RAZI BIN JUSOH

PENYEMAK BAHASA
MOHD AMIN BIN HUSSEIN

Sebuah terbitan



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

eISBN 9789672421467

PENGENALAN KEPADA AKHLAK (VOL. 1)

Modul mengikut silibus Kursus Akhlak Politeknik Malaysia dan sesuai untuk bacaan semua lapisan masyarakat.

JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK UNGKU OMAR

Jalan Raja Musa Mahadi

31400 Ipoh, Perak.

No Telefon : 605-5457656 / 7652

No Faksimili : 605-5471162

E-Mel : zuharyati.yusof@puo.edu.my

Laman sesawang : <https://www.puo.edu.my>

Hak Cipta @2021 Politeknik Ungku Omar

TERBITAN PERTAMA 2021
PENERBITAN © POLITEKNIK UNGKU OMAR
TEKS © PENULIS

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa bentuk jua dan dengan apa cara jua, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada pemegang hak cikpta.

DITERBITKAN OLEH:

POLITEKNIK UNGKU OMAR
JALAN RAJA MUSA MAHADI
31400 IPOH, PERAK

NOTA: SEMUA MODEL DAN GAMBAR YANG
TERLIBAT DENGAN PENGGAMBARAN
ADALAH UNTUK MANFAAT KEFAHAMAN
DAN TIDAK TERLIBAT ATAU KENA MENGENA
DENGAN ISI KANDUNGAN BUKU INI.



KENALI PENULIS

ZUHARYATI BINTI YUSOF anak kelahiran jati negeri Kelantan Darul Naim. Selepas menamatkan persekolahan peringkat menengah di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang Selangor, beliau meneruskan pengajian Sarjana muda dalam Pengajian Arab dan Tamadun Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor. Beliau seterusnya menyambung pengajian peringkat Sarjana dalam bidang Usuluddin (al-Quran wa al-Hadith) di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pada masa yang sama beliau juga menyambung pengajian Kursus Diploma Lepasan Ijazah di Institut Perguruan Guru di Kota Bharu, Kelantan. Beliau berpengalaman mengajar di politeknik selama 16 tahun di beberapa buah politeknik iaitu di Politeknik Melaka, Politeknik Muadzam Shah, Pahang dan Politeknik Ungku Omar sebagai Pensyarah Diploma Perbankan dan Kewangan Islam, Jabatan Perdagangan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zuharyati".

zuharyati.yusof@puo.edu.my



3 PRAKATA

4 KONSEP AKHLAK

- Definisi akhlak
- Konsep pembentukan akhlak
- Perbezaan di antara akhlak, moral dan etika
- Kepentingan akhlak dalam kehidupan



1 SINOPSIS



6 KONSEP PEMBENTUKAN AKHLAK

- Aspek Dalaman
- Aspek Luaran

17 TOKOH PEMIKIRAN AKHLAK ISLAM

- a. Imam al-Ghazali
- b. Ibn Miskawaih



29 KESIMPULAN

30 AKTIVITI PENGUKUHAN

31 RUJUKAN

SINOPSIS

eBook Pengenalan Kepada Akhlak ini disediakan bagi membantu para pengajar dan pelajar yang mengikuti kursus Akhlak di peringkat pengajian Diploma Politeknik Malaysia khususnya kepada para pelajar Diploma Perbankan dan Kewangan Islam, Jabatan Perdagangan. Isi kandungan eBook ini disusun sesuai dengan matlamat pembelajaran topik ini yang menghendaki para pelajar memahami konsep akhlak dalam menjalani dan mendepani isu-isu akhlak masa kini. Antara topik yang dibincangkan dalam penulisan eBook Pengenalan Kepada Akhlak ialah Konsep Akhlak, Pembentukan Akhlak, Perbezaan Akhlak, Moral dan Etika, Kepentingan Akhlak dan Tokoh Pemikiran Akhlak. eBook ini juga dilengkapi dengan aktiviti pengukuhan bagi bagi menguji kefahaman pelajar terhadap topik ini. Penulis cuba menyampaikan isi kandungan pembelajaran topik ini dalam gaya bahasa yang mudah dan persembahan bahan yang menarik agar ia dapat membantu pemahaman para pembaca dan menimbulkan minat untuk menghayati dan memiliki akhlak sebagaimana Rasulullah SAW.



PRAKATA

Segala puji hanya berhak dan layak kepada Allah SWT, Tuhan yang mencipta seluruh alam dan yang telah mengurniai kita taufik dan petunjukNya. Ucapan selawat dan salam ditujukan khas kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat Baginda.

Akhhlak adalah cerminan peribadi seseorang dan ia berkait rapat dengan inti pati tauhid kepada Allah SWT demi merealisasikan kehidupan hamba Allah SWT yang sebenar. Malah ukuran kepada kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia. Sebaliknya, iman yang lemah akan melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Oleh itu, akhlak adalah asas memperbaiki perangai, adab dan kesempurnaan peribadi serta membina diri. Ia adalah asas bagi suatu bangunan kerana bangunan tidak dapat ditegakkan dengan baik serta kuat tanpa asas yang kukuh.



Begitulah seorang manusia jikalau tidak mempunyai akhlak yang baik sudah tentulah tidak lagi kelihatan cantik atau menarik. Benarlah bak kata pepatah Arab segak atau cantik seseorang manusia itu terletak pada akhlaknya. Selagi seorang itu tinggi budi pekertinya maka selama itulah akan kelihatan menarik pada rupanya. Begitulah pentingnya akhlak dalam kehidupan manusia. Melaluinya manusia dapat mencapai kemuliaan. Ini kerana Rasulullah SAW sendiri diutuskan kepada umatnya untuk menyempurnakan akhlak. Justeru Rasulullah SAW adalah seorang yang memiliki ketinggian dan keagungan akhlak. Dengan ini akhlak melambangkan rahsia ketakwaan dan ketinggian agama bagi seseorang.

Semoga Allah SWT memberikan taufik dan hidayah buat kita semua dalam memahami dan melaksanakan akhlak dalam kehidupan. Mudah-mudahan penulisan eBook ini menjadi amal jariah warisan ilmu yang bermanfaat dan termasuk dalam *mizan hasanat* buat penulis.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Politeknik Ungku Omar khususnya pihak JPPKK serta semua panel yang bertungkus lumus demi merealisasikan penulisan eBook ini. Sebarang komentar dan cadangan yang bernas dan membina amatlah dialu-alukan bagi penambahbaikan kandungan eBook ini.



Zuharyati binti Yusof
Jabatan Perdagangan
Politeknik Ungku Omar

PENGENALAN KEPADA AKHLAK

Konsep Akhlak - Pembentukan Akhlak
Tokoh Pemikiran Akhlak Islam



zuharyati.yusof@puo.edu.my

KONSEP AKHLAK

DEFINISI AKHLAK

Bahasa:

Moral, tabiat, perangai, budi, adab, sifat semulajadi, maruah, watak, amalan agama atau rupa batin seseorang.

Istilah:

Kelakuan yang lahir melalui perbuatan seseorang dengan mudah dan senang tanpa memerlukan kepada fikiran. Maka kelakuan tersebut terbahagi kepada dua iaitu kelakuan baik dan buruk.



KONSEP PEMBENTUKAN AKHLAK

Aspek Dalaman

i. Naluri

Desakan hati untuk melakukan sesuatu, tabiat semulajadi, keadaan mahu tahu adalah naluri. Contoh naluri makan, naluri berpasangan, naluri keibubapaan, naluri berjuang, naluri bertuhan dan sebagainya.

ii. Kebiasaan

Perbuatan yang selalu diulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan dan mudah dikerjakan. Contohnya makan, minum, mandi, cara berpakaian, cara pergaulan itu merupakan kebiasaan yang sering dilakukan berulang kali.


iii. Keturunan

Perpindahan sifat-sifat tertentu dari orang tua kepada keturunannya, maka disebut *al-waratsah* atau warisan sifat-sifat. Warisan sifat orang tua terhadap keturunannya, ada yang sifatnya langsung dan tidak langsung. Contoh, ayahnya adalah seorang pelukis, belum tentu anaknya seorang berjiwa seni, boleh jadi sifat itu turun kepada cucunya.



iv. *Riadah al-Nafs* (melatih jiwa)

- Melatih jiwa untuk tunduk dan taat kepada perintah Allah SWT tanpa mengikut nafsu.
- Mengenalpasti penyakit-penyakit hati atau kekurangan diri daripada guru simbolik seperti ibu bapa, pasangan, guru, sahabat, musuh dan pemerhatian kendiri.
- Cara melatih jiwa melalui:
 - a. Beribadah dan berdoa seperti melakukan ibadah solat yang melatih diri untuk membina hubungan dengan Allah SWT dan diiringi dengan doa yang bersungguh-sungguh kepada Allah SWT.
 - b. Niat ikhlas melakukan sesuatu kebaikan semata-mata kerana Allah SWT tanpa mengharapkan balasan daripada sesiapa.
 - c. Menuntut ilmu untuk memastikan seseorang dapat beramal dengan cara yang betul.



“Tidak ada seorang bayi yang dilahirkan melainkan dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih daripada sebarang dosa), maka kedua ibu bapanya lah yang akan menjadikan anak itu sama ada sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi.”

Riwayat Imam Bukhari Dan Muslim

Aspek Luaran

i. Ibu bapa

- Mencorakkan pendidikan anak-anak dan membentuk asas-asas perkembangan diri seseorang anak dari zaman kanak-kanak lagi.
- Bertanggungjawab menanamkan nilai-nilai agama pada peringkat awal dengan nilai-nilai norma yang baik maka akan terhasilah seorang muslim yang berakhhlak mulia.
- Menunjukkan akhlak yang baik di hadapan anak-anak kerana anak-anak akan mencontohi segala kelakuan yang dilihatnya.
- Memupuk nilai-nilai positif hingga ia meresap dalam jiwa anak-anak sehingga menjadi kebiasaan dan tabiat.


ii. Rakan Sebaya

- Memberi pengaruh akhlak yang sangat kuat dalam diri seseorang.
- Lebih terdedah dengan budaya, suasana dan pemikiran dalam ruang lingkup yang lebih luas dan bebas.
- Wajib memilih rakan sebaya yang membawa diri dekat dengan Allah SWT.
- Pengaruh sahabat yang baik akan memberi kesan dan mendorong seseorang ke arah kebaikan.



iii. Media Massa

- Banyak memberi perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hal ehwal semasa, berita luar mahupun dalam negara.
- Media turut memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan masa kini.
- Namun dalam masa yang sama media massa juga mungkin menyumbang ke arah kesan negatif sehingga ada masyarakat berpendapat bahawa media massa merupakan penyebab keruntuhan akhlak seorang individu kerana terdapat kandungan dan rancangan di media massa yang mejatuhkan pegangan agama seseorang.



KISAH FUDHAIL BIN 'TYADH

Fudhail berpesan, "Meninggalkan sesuatu perkara kerana manusia adalah riyak dan melakukannya kerana manusia adalah syirik."

Ibrahim bin al-Asy'ats memuji perwatakan Fudhail dengan menyatakan bahawa, "Tidak pernah aku melihat seseorang yang meletakkan Allah dalam hatinya seperti Fudhail. Apabila beliau mengingati Allah atau mendengar al-Quran, terzahirlah ketakutan dalam dirinya sehingga menangis. Malah, beliau sentiasa berpesan agar tidak mencela, mengeji dan mengumpat orang lain."

Pada suatu hari, ada seorang lelaki bertanya kepada beliau, "Bagaimana pagi dan petangmu, wahai Abu Ali (Fudhail)?" Fudhail menjawab, "Pagi dan petangku dalam kesihatan." Lelaki itu bertanya lagi, "Bagaimana keadaanmu?" Fudhail menjawab, "Hal dunia atau hal akhirat? Sekiranya hal dunia, ia memihak kepada kami dan berlalu daripada kami dengan pelbagai cara tetapi jika kamu bertanya tentang akhirat, kamu melihat keadaan orang yang banyak dosa, kurang amalan, pendek umur, tidak bersedia untuk mati dan tidak 'berhias' (mempersiapkan diri) untuk mati. Namun sibuk mempersiapkan diri untuk dunia

PERBEZAAN DI ANTARA AKHLAK, MORAL DAN ETIKA



AKHLAK

- Satu sistem yang menilai tindakan zahir dan batin manusia.
- Mencakupi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan Allah SWT, manusia dengan manusia dan manusia dengan makhluk lain.
- Nilai-nilai akhlak ditentukan oleh Allah SWT melalui al-Quran dan tunjuk ajar oleh Rasulullah SAW.
- Nilai-nilai akhlak bersifat mutlak, sempurna dan tetap.

MORAL

- Satu sistem yang menilai tindakan zahir manusia sahaja.
- Mencakupi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan manusia sahaja.
- Nilai-nilai moral ditentukan oleh manusia.
- Nilai-nilai moral bersifat relatif, subjektif dan sementara.
- Diguna pakai untuk perbuatan yang sedang dinilai.
- Melihat tingkah laku secara individual.
- Sumber berlandaskan kepada norma-norma yang berkembang dalam masyarakat.



ETIKA

- Satu sistem yang menilai tindakan zahir manusia sahaja.
- Mencakupi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan manusia sahaja.
- Nilai-nilai moral ditentukan oleh manusia.
- Nilai-nilai moral bersifat relatif, subjektif dan sementara.
- Diguna pakai untuk mengkaji sistem nilai yang wujud.
- Melihat tingkah laku dalam rangka yang umum.
- Sumber berdasarkan kepada pemikiran falsafah.





SAYIDATINA AISYAH DITANYA
MENGENAI BAGAIMANA AKHLAK
RASULULLAH SAW, BELIAU
MENJAWAB,

فَإِنَّ خُلُقَ نَبِيٍّ اللَّهِ كَانَ الْقُرْآنَ

ERTINYA: "AKHLAK NABI SAW IALAH AL-QURAN."

(RIWAYAT MUSLIM)

Kepentingan Akhlak Dalam Kehidupan

- Melahirkan umat yang bertamadun dan dihormati.
- Akhlak mampu membentuk sesebuah tamadun untuk bertahan lama dengan akhlak yang mulia.
- Menjadi tarikan orang sekeliling.
- Akhlak yang baik akan memberi keselesaan kepada semua orang dan kesenangan serta membuatkan orang tertarik untuk melahirkan tali silaturrahim yang kukuh.
- Lambang kesempurnaan iman, ketinggian takwa dan kealiman seseorang manusia yang berakal.
- Menjauhkan diri daripada perkara maksiat.
- Akhlak yang baik mampu mendorong kearah kehidupan yang diredhai Allah SWT.
- Mendapat balasan syurga.
- Antara amalan paling berat di atas timbangan mizan.
- Dikasihi oleh Baginda SAW dan selalu dekat dengan Baginda SAW.



TOKOH PEMIKIRAN AKHLAK ISLAM

- a. Imam al-Ghazali
 - b. Ibn Miskawaih
-






NAMA SEBENAR IMAM AL-GHAZALI IALAH MUHAMAD BIN MUHAMMAD BIN MUHAMMAD BIN AHMAD AL-GHAZALI AL-TUSI.

- Beliau lebih dikenali dengan panggilan al-Ghazali iaitu nisbah kepada kampung tempat kelahirannya di Ghazalah yang terletak di pinggir bandar Tusi di dalam wilayah Khurasan, Parsi (Iran).
- Panggilan tersebut dinisbahkan kepada bapanya seorang tukang tenun kain bulu yang dalam bahasa Arabnya dikatakan *al-Ghazzal*.
- Imam al-Ghazali juga digelar Abu Hamid, yang bererti bapa kepada Hamid iaitu dinisbahkan kepada anaknya.
- Beliau juga digelar *Hujjatul Islam* iaitu suatu gelaran penghormatan yang diberikan kepadanya kerana kejituhan dan kekuatan hujahnya di dalam membela Islam.

a. Imam al-Ghazali

- Beliau adalah seorang tokoh ulama yang luas ilmu pengetahuannya dan merupakan seorang pemikir besar dalam sejarah falsafah Islam dan dunia.
- Beliau lahir pada tahun 450H bersamaan 1058M.
- Beliau sangat suka belajar ilmu agama dan mendampingi para ulama sufi.
- Buku karangan beliau yang dikagumi gurunya ialah yang dinamakan al-Mankhul dan karya beliau yang paling popular adalah *Ihya' Ulum al-Din*.
- Kemasyhuran beliau sebagai orang alim, guru serta pemidato yang petah berucap tersebar dengan cepat.
- Kuliahnya semakin menarik perhatian para pelajarnya, beratus ratus orang kenamaan dan terhormat turut menghadirinya.

- Imam al-Ghazali telah mengarang ratusan buku dalam berbagai bidang antaranya:
 - a. *Ihya' Ulum al-Din*
 - b. *Bidayah al-Hidayah*
 - c. *Mizan al-A'mal*
 - d. *Minhaj al-Abidin*
 - e. *Al-Mustasfa Min Usul al-Fiqh*
 - f. *Al-Iqtisad Fi al-I'tiqad*.



- Tidak dapat dinafikan, Imam al-Ghazali telah menerima ramai pujian daripada ulama selepasnya antaranya:
 - a. Al-Yafi'i berkata: "Kalau wujud nabi selepas Nabi Muhamad pasti orang itu ialah al-Ghazali."
 - b. Imam Nawawi pula pernah berkata: "Hampir-hampir Kitab Ihya' mengambil tempat al-Qur'an."
 - c. Kata al-Subky: "Tidak tahu ada orang selepas al-Ghazali yang sama sepertinya terutama dari segi kadar memiliki ilmu. Pasti tidak ada orang yang akan datang sepertinya."
 - d. Buya Hamka pernah berkata: "Dan yang lebih penting lagi, sebagai seorang ahli fikir yang bebas dan besar, beliau membebaskan fikirannya dari pengaruh penafsir-penafsir yang terdahulu daripadanya."



Pemikiran al-Ghazali Terhadap Konsep Akhlak

- Pengertian akhlak bagi beliau satu sifat yang tertanam dan sebatи dalam jiwa seseorang, menghasilkan segala perbuatan dengan mudah (spontan) tanpa memerlukan pertimbangan fikiran (teragak-agak). Sekiranya akhlak itu baik menurut pertimbangan al-Qur'an dan al-Sunnah, maka baiklah ia. Sekiranya buruk mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah, maka buruklah ia.
- Menggunakan banyak nama untuk akhlak iaitu jalan ke akhirat, sifat-sifat hati, rahsia amal ibadat agama, budi pekerti yang baik, pembangkit ilmu-ilmu agama.
- Membentuk jiwa dan mengembalikannya kepada apa yang telah digariskan oleh syariat Islam.



- Berusaha dengan bersungguh-sungguh membiasakan adat dan kebiasaan yang baik sehingga memberi kesan kepada jiwa dan menikmati rasa ketenangan, kegembiraan dan kebahagian.
- Budi pekerti itu merupakan suatu naluri asli dalam jiwa seseorang manusia yang dapat melahirkan suatu tindakan dan kelakuan dengan senang dan mudah tanpa rekaan fikiran.
- Jika naluri tersebut melahirkan sesuatu tindakan dan kelakuan yang baik lagi terpuji menurut akal dan syariat maka ia dinamakan budi pekerti yang baik.

- Tiga sebab asas dasar budi pekerti manusia iaitu tafakkur membawa erti akal, syahwat membawa erti hawa nafsu dan ghadab yang membawa erti marah.
- Budi pekerti yang baik dapat dicapai dengan cara menghilangkan semua adat dan kebiasaan buruk.
- Menjauhkan diri daripada adat dan kebiasaan buruk dengan membencinya sebagaimana seseorang itu menjauhkan dirinya daripada segala macam benda yang kotor.



- Manakala jika naluri itu melahirkan sesuatu perbuatan dan kelakuan yang jahat maka ia dinamakan budi pekerti yang buruk.
- Pada asasnya budi pekerti itu ialah pancaran naluri jiwa semata-mata untuk mempertahankan diri atau keinginan dalam melakukan sesuatu.
- Ukuran di luar jiwalah yang menentukan buruk baiknya budi pekerti manusia itu.
- Menetapkan syarak sebagai ukuran yang tetap dan tidak berubah-ubah.
- Perbaikkan budi pekerti berlandaskan kepada kebahagian dunia dan akhirat



- Pembentukan seseorang mestilah bermula daripada alam kanak-kanak lagi yang ditekankan pendidikannya bukannya dilepaskan memilih sendiri haluan hidup dengan jiwanya kosong kerana ini akan merosakkan anak itu sendiri.
- Jiwa yang tercela itu akan dimiliki secara terus-menerus kerana ia telah menjadi adat dan kebiasaan sekali pun bertentangan dengan syarak.
- Manusia yang dilahirkan telah mempunyai budi pekerti yang baik sebagai fitrahnya di mana tidak memerlukan kepada pendidikan dan pengajaran seperti Nabi Isa, Yahya dan para nabi yang lain dan ia merupakan keistemewaan.



- Sedangkan manusia yang lain hanya mencapai budi pekerti yang baik jika dia berusaha ke arah itu di mana hanya sedikit anak-anak yang dilahirkan dalam keadaan mereka itu benar, fasih berbicara, pemurah dan berani.
- Sehubungan dengan itu, jalan atau cara yang dipilih oleh Imam al-Ghazali dalam membentuk budi pekerti ialah dinamakan *takhalluk* yang bererti sentiasa mendorong jiwa itu kepada perbuatan-perbuatan yang bersesuaian dengan akhlak yang hendak dimiliki.



Dua bahagian penting dalam kitabnya Ihya' yang perlu diperhatikan dalam usaha pemberi budi pekerti iaitu Riyadh al-Nasyi' yang bermakna latihan peribadi umum dan Riyadh al-Sibyan yang bermaksud latihan budi pekerti anak-anak.

- Umpamanya sesiapa yang hendak memiliki sifat pemurah maka dia mesti sentiasa berusaha melakukan perbuatan yang bersifat pemurah seperti membelanjakan harta untuk pekerjaan yang baik sehingga menjadi suatu tabiat yang melekat pada dirinya.
- Perbuatan seperti ini banyak ditunjukkan oleh Imam al-Ghazali dalam ajarannya yang dinamakan riyadah yang bererti latihan membiasakan diri.
- Memang terlalu banyak dalam karya beliau yang menganjurkan latihan jiwa kerana menurut pendapatnya bahawa budi pekerti yang baik itu hanya dapat dicapai dengan mengerjakan latihan dan usaha termasuk keanehan jiwa dan anggota.




Seterusnya tiada guna lagi usaha nasihat menasihati sebagaimana tiada faedah adanya hadis yang memberi pengajaran, janji kesenangan untuk mereka yang berbuat baik dan ancaman keras bagi mereka yang berbuat jahat seperti manusia berjaya mengubah tingkah laku binatang liar menjadi binatang jinak.

- Beliau berkata bahawa segala sifat yang terdapat dalam hati akan mampu memberikan kesan kepada anggota badan yang zahir yang hanya bergerak sesuai dengan sifat tersebut dan sebaliknya setiap gerak-geri anggota kasar mengalihkan perasaannya sampai ke hati.
- Imam al-Ghazali berpendirian bahawa mengubah sesuatu budi pekerti manusia itu sangat mungkin boleh berlaku dalam pelaksanaannya sehingga budi pekerti yang baik seseorang itu dapat ditumbuhkan dengan menghilangkan sifat kejinya. Sebagai alasan, beliau mengemukakan hadis yang bermaksud: "Perbaikilah akhlakmu" dan menambah hujahnya bahawa jika kelakuan itu tidak mungkin mampu berubah sudah tentu nabi Muhamamad SAW tidak memerintahkan sebagaimana hadis tersebut.

- Manusia mempunyai kemuliaan daya fikir iaitu akal fikiran sebagai sumber ilmu.
- Membahagikan daya fikir kepada empat iaitu:
 - a. Daya fikir adalah akal yang membezakan manusia dengan haiwan.
 - b. Daya fikir iaitu pengertian yang timbul pada anak-anak dalam usia tertentu.
 - c. Ilmu yang diperoleh daripada latihan-latihan dan pengalaman.
 - d. Pengetahuan yang berbentuk naluri yang berkemampuan mengetahui sebab-akibat dari setiap persoalan.





b. Ibn Miskawaih

“

"Sesiapa yang mempunyai disiplin diri yang sempurna, akhlak yang benar serta mampu mengenali musuh kepada jiwanya, dia akan berjaya memimpin rumahtangganya."

-IBN MISKAWAIIH-

- Nama lengkapnya adalah Abū ‘Alī Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ya‘qūb Miskawaih al-Khāzin.
- Terkenal dengan gelaran Ibn Miskawaih.
- Beliau adalah seorang muslim berketurunan Parsi, bekas penganut agama Majusi.
- Lahir di kota Ray (Iran) pada 320 H (932 M) dan wafat di Asfahan pada 9 safar 421 H (16 Februari 1030 M) dalam usia 96 tahun.
- Lebih terkenal dalam bidang filsafat dibandingkan dengan ilmu yang lain, apalagi karya beliau yang sangat terkenal adalah tentang pendidikan dan akhlak.

- Ibn Miskawaih adalah seorang sasterawan di samping terkenal sebagai seorang ahli falsafah dan ahli etika.
- Beliau hidup dalam masa pemerintahan kerajaan Bani Buwaihi yang memerintah di antara tahun 320H (929M) hingga tahun 447H (1056M)
- Beliau merupakan seorang polymath, menguasai pelbagai cabang ilmu seperti kimia, psikologi, bahasa dan sejarah.
- Bidang utama kepakarannya adalah dalam bidang akhlak.
- Karya *Tahdhīb al-Akhlāq* dianggap sebagai literatur paling penting dalam pembentukan ilmu akhlak Islam atau falsafah etika Islam.

- Antara karya beliau ialah *kitab Al-Ashgar Fi Ushul al Diyanat*, *kitab al-Fauz al-akbar*, *kitab thaharah annafs*, *kitab tahdzib al-akhlak wa tahthir al-araq*, *kitab as siyar*, *kitab tartib as-sa'adah*, *kitab jawizan khārd*, *kitab al jami'*, *kitab al-adwiyah*, *kitab al-asyribah*, *kitab al-Mustafa* dan lain-lain.

- *Kitab Tahdhīb al-Akhlāq* adalah kitab yang paling masyhur. Ia memuat tujuh bab yang berkait dengan prinsip-prinsip etika, karakter dan kehalusan budi bahasa, kebaikan dan kebahagiaan, keadlian, cinta dan persahabatan, kesihatan dan jiwa.

“

Apabila seseorang itu mempunyai jiwa yang sihat, maka dia haruslah sentiasa menambahkan lagi kemuliaan jiwa yang ada padanya dengan cara mendalami ilmu hakiki dan pengetahuan yang benar.

”

-Ibn Miskawaih-



Pemikiran Ibn Miskawaih Terhadap Konsep Akhlak

"Sesiapa yang berjaya memimpin rumahtangganya, dia akan berjaya mentadbir sebuah bandar. Sesiapa yang berjaya mentadbir sebuah bandar, dia akan berjaya memimpin sebuah kerajaan."

-IBN MISKAWAIH-


- Ibn Miskawaih berpendapat akhlak ialah satu keadaan yang wujud dalam jiwa manusia. Ia perlu direalisasikan tanpa menggunakan akal fikiran kerana ia adalah suatu yang tabi"ie dan merupakan adat kebiasaan sama ada bersifat baik atau kurang baik.
- Akhlak juga adalah satu sifat yang boleh menerima perubahan sama ada perubahan tersebut berlaku dengan cepat atau lambat.
- Perkara penting tentang akhlak adalah jiwa dan ciri-cirinya.



- Telah mengemukakan satu etika tentang contoh hidup yang tinggi dan murni sebagai hamba Allah SWT iaitu:
 - i. Pegangan agama yang mantap
 - ii. Usaha dari individu
 - iii. Mengetahui hakikat jiwa manusia
 - iv. Menjalani hidup bermasyarakat
 - v. Bersahabat dengan orang yang baik
 - vi. Mengambil berat terhadap rawatan rohani
- Apabila seseorang itu mempunyai jiwa yang sihat, maka dia haruslah sentiasa menambahkan lagi kemuliaan jiwa yang ada padanya dengan cara mendalami ilmu hakiki dan pengetahuan yang benar.
- Ia dapat diperolehi apabila seseorang itu mendampingi orang-orang berilmu dan mempelajari darinya di samping sentiasa berwaspada daripada bergaul dengan orang jahat,
- orang gila, orang yang selalu melakukan maksiat, orang yang berbangga dengan kejahatannya dan jangan menghadiri majlis-majlis anjuran mereka.
- Ini disebabkan apabila seseorang itu menghadiri majlis-majlis mereka dan mendengar cerita-cerita tentang kekotoran jiwa dan kelakuan tidak bermoral mereka, maka untuk membersihkan semula perkara-perkara itu daripada dalam jiwanya adalah amat sukar.
- Di samping itu situasi ini juga mungkin akan merosakkan peribadi orang yang baik dan mulia pula.

KESIMPULAN

Akhlik merupakan cerminan daripada pancaran keimanan yang telah meresapi dan menempati dalam hati seseorang. Oleh sebab itu, akhlak yang lahir daripada seseorang merupakan tindak balas automatik daripada minda bawah sedarnya tanpa boleh dibuat-buat. Jika baik imannya, maka baik akhlaknya dan begitulah sebaliknya. Dalam membincangkan tentang akhlak ia berkait rapat dengan akhlak manusia dengan Allah swt dan akhlak manusia dengan manusia. Apabila cantik akhlaknya dengan Allah SWT, pasti akan meraih takwa daripada Allah SWT. Begitu juga apabila cantik akhlaknya dengan manusia akan memperoleh kasih sayang daripada manusia.



Aktiviti Pengukuhan



Berikan ulasan anda beserta contoh tentang hadis dan kata-kata ulama di bawah:

Hadis Nabi SAW & Kata-kata Ulama

Sabda Nabi SAW:
"Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan (pada hari kiamat) dari akhlak yang baik."
(Riwayat Abu Dawud)


Ulasan Anda

Sabda Nabi SAW:
"Antara tanda baiknya keislaman seseorang adalah (sikapnya untuk) meninggalkan apa yang tidak ada manfaat baginya."
(Riwayat al-Tarmizi)

"Sebaik-baik manusia adalah yang terbaik akhlaknya dan paling bermanfaat bagi manusia."



RUJUKAN



Al-Qu’ran al-Karim

Abd al-Rahman al-Badawi (1977), *Muallāfat al-Ghazāli*, c. 2. Kuwait: Wa Kalah al-Matbu’at.

Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2002). *Pendidikan Akhlak Dalam KBSM: Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Akhlak*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Ghazali (t.t.), *Ihya’ Ulum al-Din*, juz.3, t.tp: t.p.

Al-Ghazāli (1997), *Penyelamat Dari Kesesatan*. Abdulfatah Haron Ibrahim (terj.), c. 2. Kuala Lumpur: Darul Ehsan

Haron Din (2007). *Islami: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Selangor: PTS Publishing House.

Ibn al-‘Arabi, Abu Bakr ibn al-‘Arabi (1951), ‘Awāsim min al-Qawāsim. Muhibb al- Din al-Khatib (ed.). Kaherah: al-Matba’ah al- Salafiyyah.

Al-Jurjani (2002), *al-Ta`rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.

Ibn Manzur (1997), *Lisan al-`Arab*, jil. 2, Beirut: Dar-Sadir.

Ibnu Miskawaih (1985). *Tahdhīb al-Akhlāq*. Beirut: Daarul kitab.

Mohd Fauzi Hamat (2005), *Ketokohan al-Ghazali Dalam Bidang Logik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd. Nasir, O. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.



RUJUKAN

Muhammad Jamaluddin al-Qasimi (2016). *Bimbingan Mencapai Darjat Mukmin.* Selangor: Victory Agencie.

Mustafa Abu-Sway (1996), *al-Ghazzāli: A Study in Islamic Epistemology.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Muhammad Zakaria (2020). *Ensiklopedia Adab.* Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd

Nurhanisah Senin et.al (2018), *Ensiklopedia Akhlak Rasulullah.* Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd

Prof. Dr. Hj. Aboebakar Atjeh (1982). *Akhlaq Dalam Islam.* Pusataka Aman Press: Kelantan

Sidik Hj Baba (1988), *Riwayat Hidup Imam al-Ghazāli, dalam Seminar Imam Al-Ghazali dan Sumbangannya.* Anjuran Akademi Islam, Universiti Malaya dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Pada 23-25 September 1988M./12-14 Safar 1409H

Zainul Kamal (1994). *Menuju Kesempurnaan Akhlak.* Bandung: Mizan.

Zakaria, S. (2001). *Akidah dan Akhlak Dalam kehidupan Muslim.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.



“Ramuan utama untuk mengatasi gejala sosial masa kini adalah kembali meneladani akhlak Nabi dan para salafussoleh. Adab dan akhlak wajar menjadi fokus paling utama dalam menuntut ilmu. Sebagaimana Imam Malik r.anhu pernah berkata pada seseorang pemuda Quraisy: '*Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu.*'"



Dato' Sri Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri

Politeknik Ungku Omar

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK UNGKU OMAR**

Jalan Raja Musa Mahadi

31400 Ipoh, Perak.

No Telefon : 605-5457656/ 7652

No Faksimili : 605-5471162

E-Mel : zubaryati.yusof@puo.edu.my

Laman sesawang : <https://www.puo.edu.my>